



IKLAN JAWATAN KOSONG
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Gred Lantikan	Taraf Lantikan	Kekosongan
1.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Pekerja Sambilan Harian bertaraf Diploma	PSH setaraf Diploma	Kontrak (Minimum ; 3 Bulan)	1

JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**
TARAF JAWATAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN
KADAR UPAH : RM72.00 SEHARI

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (c) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (d) Sijil dalam bidang teknologi maklumat, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (e) Diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (f) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
 - (g) mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit berpanjangan

SYARAT KHAS

- (1) Sekurang-kurangnya enam (6) bulan pengalaman dan berkebolehan serta mempunyai kemahiran dalam pembangunan dan pembetulan ralat melibatkan pengatucaraan HTML, PHP, pangkalan data MySQL.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

- (1) Tempoh perkhidmatan PSH hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.

SYARAT PERMOHONAN

- (1) Permohonan hendaklah menggunakan borang Pindaan. LUAS 2/2007 yang boleh diperolehi di Portal LUAS <https://www.luas.gov.my>
- (2) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (3) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (4) Pihak LUAS tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.
- (5) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut (**keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan**):
 - (a) Salinan Kad Pengenalan.
 - (b) Salinan Surat Beranak.
 - (c) Salinan sijil PMR/SPM/SVM
*mana-mana yang berkaitan
 - (d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah terakhir
 - (e) Salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan.
 - (g) Gambar berukuran pasport.

NOTA

(1) Kemasukan segera.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan yang lengkap beserta resume dan dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dihantar melalui surat menggunakan alamat tertera :

**PENGARAH,
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,
TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
(U/P : UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INTEGRITI)**

Atau alamat emel seperti berikut :

hrgroupluas@luas.gov.my

Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari 16 September 2022 (Jumaat)